



13 Januari 2012
13 January 2012
P.U. (A) 11

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN
(FI BAGI PENGAPITAN, PENGALIHAN DAN PENAHANAN
KENDERAAN MOTOR) 2012

*ROAD TRANSPORT (FEE FOR CLAMPING, REMOVAL AND
DETENTION OF MOTOR VEHICLES) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (FI BAGI PENGAPITAN, PENGALIHAN DAN
PENAHANAN KENDERAAN MOTOR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(1)(*hh*) dan (*rr*) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi bagi Pengapitan, Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 16 Januari 2012.

Fi

2. Pemunya berdaftar kenderaan motor atau orang yang menjaga suatu kenderaan motor hendaklah membayar fi bagi pengapitan, pengalihan atau penahanan kenderaan motor sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual jika kenderaan motor itu diapit, dialih atau ditahan di bawah seksyen 48, 64 dan 65 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembatalan

3. Kaedah-Kaedah Lalu lintas Jalan (Fee Pemindahan dan Penahanan Kereta Motor) 1982 [*P.U. (A) 232/1982*] dibatalkan.